

Peniaga tak sertai e-dagang berisiko 'tutup kedai'

Lebih 50 peratus rakyat beralih kepada pembelian dalam talian

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebilangan besar pemilik premis perniagaan yang hanya menjual barangan secara fizikal berisiko 'tutup kedai' kerana gagal mengikuti perubahan sikap sebahagian besar rakyat Malaysia yang suka membeli secara dalam talian.

Ketika ini, lebih 50 peratus rakyat dikesan sudah menukar proses pembelian secara dalam talian, namun hanya tujuh peratus peruncit dan pemborong yang menjual pelbagai barangan di dalam negara mempunyai keupayaan menyediakan platform e-dagang kepada pelanggan.

Menurut Kajian Pasaran Bagi Sektor Perkhidmatan di Malaysia oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), walaupun Malaysia mempunyai lebih 460,000 peruncit dan pemborong aktif, hanya sebilangan kecil mempunyai keupayaan memproses jual beli

dalam talian.

Situasi ini dilihat mampu merencatkan pertumbuhan ekonomi negara memandangkan hampir 50 peratus rakyat sudah berubah kepada pembelian dalam talian yang dikesan lebih rancak selepas COVID-19 berlaku.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata hasil kajian pasaran menunjukkan rakyat Malaysia kini beralih sikap daripada cara pembelian konvensional kepada pembelian dalam talian.

Katanya, punca utama perubahan itu disebabkan masyarakat menyukai urusan yang mudah, malah tidak lokek mengeluarkan sedikit kos tambahan seperti bayaran penghantaran selagi ia menyenangkan urusan mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata, ia tidak selari dengan keadaan pasaran apabila hanya sebilangan kecil mempunyai keupayaan dalam platform e-dagang.

"Masyarakat hari ini tidak lagi suka ke kedai membeli barang kerana mereka lebih senang melihat barangan itu sampai di hadapan mereka, malah ada yang pergi semata-mata melihat kualiti barangan, tetapi membelinya dalam talian. Inilah perubahan sikap pelanggan yang dikesan sekarang.

"Namun, kajian pasaran oleh

MyCC mendapati, hanya tujuh peratus peruncit dan pemborong dalam negara bersedia ke arah itu," katanya.

Seramai 469,024 peruncit dan pemborong direkodkan MyCC pada 2018, namun ia mungkin lebih ramai pada tahun ini, berikutan berlaku peningkatan 20 peratus sejak 2013.

Iskandar berkata, implikasi kegagalan menyediakan platform e-dagang itu mengakibatkan mereka tertinggal dan lebih buruk, banyak kedai menjual barangan secara fizikal tidak mampu bersaing dan terus tutup.

"Kami dapati kebanyakan mereka lebih percaya dalam per-

khidmatan secara 'brick and mortar' iaitu lebih suka pembeli datang kepada mereka dan berurusan secara langsung. Mereka tidak mempedulikan perubahan sikap pembelian pelanggan, sebaliknya hanya meneruskan cara konservatif.

"Malah kita dapati mereka langsung tidak bersedia dengan perubahan semasa seperti tiada jaringan internet dan tidak mengenali proses e-dagang. Mereka fikir penyediaan untuk perkara ini membabitkan kos tinggi, sebaliknya mereka tidak sedar, ia mampu memberikan pulangan baik," katanya.

Iskandar berkata, kerajaan perlu melakukan sesuatu untuk membantu pemborong dan peruncitan yang belum terbabit dalam e-dagang bagi merencanakan ekonomi negara.

"Sektor pemborong dan peruncitan negara penting dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerana sektor ini menyumbang hampir 30 peratus pendapatan dalam komponen sektor perkhidmatan. Pada 2018, sektor ini menggaji dua juta rakyat.

"Sekiranya ramai masih gagal mengikuti perubahan sikap pembeli dan perkembangan arus semasa, ia bakal menjejaskan semua pihak, termasuk kerajaan dan rakyat," katanya.

Masyarakat hari ini tidak lagi suka ke kedai membeli barang kerana mereka lebih senang melihat barangan itu sampai di hadapan mereka.

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif
MyCC